

10 RENCANA



**MOHAMAD
AZMIE
ZAKARIA**

Menjadi bandar U yang hebat

PENDIDIKAN tinggi menjadi salah satu strategi kita untuk menyertai kumpulan negara maju. Sehingga kini kita menyaksikan pembangunan pendidikan tinggi melalui perkembangan kolej dan universiti yang agak membanggakan.

Malahan Malaysia berjaya menarik lebih daripada 100,000 pelajar asing untuk menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) kita. Banyak pelaburan dibuat untuk pembangunan universiti awam dan swasta. Sementara itu, penempatan IPTA di sesuatu negeri dibuat dengan harapan ia akan memberi limpahan ekonomi kepada kawasan sekitar sebagaimana di Petaling Jaya, Bangi dan Shah Alam.

Banyak bandar universiti atau bandar U telah mencipta nama di dunia seperti Oxford, Cambridge, Leiden, Bologna, Arkansas, California termasuk Washington. Malahan Victoria di Australia menjadikan pendidikan sebagai industri untuk menjana pertumbuhan ekonomi kerana mereka kurang memiliki sumber mineral untuk aktiviti perlombongan.

Gagasan untuk menjadi pendidikan sebagai industri bukannya asing kerana semenjak tiga dekad lalu negeri Perlis telah pun mengisytiharkan strategi ini. Sementara itu pecah tanah Bandar Pendidikan Pagoh dibuat pada 2011. Sebelumnya Universiti Tenaga Nasional (Uniten) telah menjadikan Bandar Muadzam Shah sebagai Universiti Dalam Bandar sejak 2001.

Namun antara harapan dan realiti ada jurang yang lebar. Dalam setengah bandar U ini atau lebih tepat pekan U, pelajarannya berasa bagaikan terbuang. Kemudahan pengangkutan dan kemudahan awam masih daif. Untuk makan burger pun perlukan perjalanan yang berjam. Malah ada pekan yang tiada taman untuk rekreasi atau panggung wayang untuk tenang otak.

Setengah pensyarah memilih untuk hidup membuang dan berulang alik setiap hujung minggu kerana tidak sanggup membawa keluarga. Hakikatnya bandar U perlulah memiliki prasarana yang baik untuk menarik tenaga akademik dan pelajar yang terbaik. Memang benar banyak pelaburan dibuat di dalam kampus, tetapi pelaburan luar kampus juga sama pentingnya.

Pembangunan luar kampus menjadi tanggungjawab pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri masing-masing. Namun begitu kerajaan tempatan sendiri tiada sumber manusia, kepakaran atau dana untuk tugas ini. Mereka berharap kepada pelaburan swasta dan ini mengambil masa panjang yang turut menjejaskan reputasi universiti berkenaan.

Bandar U yang didiami pelajar yang masih bergantung belanja daripada ibu bapa dan biasiswa pastinya berkehendakan kediaman selesa tetapi murah. Mereka juga perlu berjinmat dengan kos pengangkutan. Kemudahan rekreasi, sukan dan hospital penting kepada gaya hidup aktif orang muda. Mereka perlukan taman rekreasi untuk bersantai di samping tempat melepak orang muda seperti restoran makanan segera menjadi kemestian.

Bandar U yang hebat memiliki arked dan pusat membeli belah dengan pelbagai perkhidmatan sokongan yang memudahkan kehidupan pelajar dan penduduk di situ. Kedai buku, kedai alat tulis, kedai sukan, kedai dobi, kedai cetak, kedai serbaguna 24 jam antara keperluan mereka.